

28 JAN 1999

MBM GESA KERAJAAN KAJI SEMULA PENANGGUHAN BINA LEBUH RAYA BARU

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini menggesa kerajaan mengkaji semula keputusan untuk menangguhkan pembinaan semua lebuhraya baru.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bandar MBM Norizan Sharif berkata penangguhan itu akan memberi kesan kepada aktiviti ekonomi dan pembangunan negara secara keseluruhannya.

"Soal membayar tol tidak timbul kerana rakyat sedia membayar tol, cuma yang menjadi masalah di sini ialah kadar tol yang dikenakan itu terlalu tinggi," katanya hari ini.

Semalam ketika mengumumkan penurunan kadar tol Lebuhraya Damansara-Puchong dan kenaikan lebih rendah bagi kadar tol lebuhraya Utara-Selatan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mengambil keputusan menangguhkan pembinaan lebuhraya baru di seluruh negara sehingga rakyat bersedia untuk menggunakan jalan raya berkualiti dengan membayar tol.

Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa memutuskan demikian kerana tidak berkeupayaan membina sendiri jalan raya berkualiti yang baru kecuali projek itu diswastakan dan pengguna perlu membayar tol.

Norizan juga berharap kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya kepada penyenggaraan jalan biasa bagi kepentingan pengguna yang memilih untuk menggunakan jalan itu.

-- BERNAMA

MS AHH NMO